

# Lelaki bantu jalankan perniagaan pinjaman wang secara haram didenda

**SIBU:** Seorang lelaki dikenakan hukuman denda RM10,000 atau penjara empat bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam setelah disabitkan bersalah atas pertuduhan membantu menjalankan perniagaan pinjaman wang secara haram.

Joseph Lau, 27, dijatuhan hukuman itu oleh Majistret Oon Kork Chern setelah mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibacakan di bawah Seksyen 29AA(1) Akta Pemberi Pinjam Wang 1951.

Sabit kesalahan di bawah seksyen ini hendaklah dipenjara tidak lebih dua tahun atau denda tidak lebih RM20,000 atau kedua-duanya sekali.

Mengikut pertuduhan, Lau didakwa membantu seorang pemberi pinjam wang dikenali sebagai ‘Apeng’ yang masih bebas, menjalankan perniagaan pemberi pinjam

wang tanpa lesen pada 25 Julai 2021, jam 5 petang di hadapan sebuah rumah di Lorong Lada 18E.

Fakta kes menyatakan pada Julai 2021, pengadu telah membuat pinjaman sebanyak RM20,000 daripada seorang lelaki Cina dikenali sebagai tertuduh.

Pengadu telah membuat pembayaran bermula bulan Ogos 2021 dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM40,000 ke dalam akaun bank tertuduh.

Meskipun pinjaman telah diselesaikan, tertuduh terus memaksa pengadu untuk membuat pembayaran.

Pada 30 September 2023, kira-kira jam 2 pagi, pengadu telah dihubungi oleh ibunya mengatakan ada orang membakar sesuatu di hadapan pintu pagar rumah mereka.

Pengadu kemudian membuat laporan polis dan pada 6

November 2024, lebih kurang jam 9.20 malam, pihak polis telah menahan tertuduh di hadapan premis restoran makanan segera di Jalan Ulu Oya.

Pemeriksaan dengan Pejabat Residen Bahagian Sibu mendapati tertuduh tidak mempunyai lesen bagi menjalankan perniagaan pemberi pinjam wang.

Lau dalam rayaannya memohon dikenakan hukuman minimum memandangkan dia terpaksa menjaga orang tuanya, selain ibunya yang sakit.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam juga memeritahu ini adalah kesalahan pertamanya.

Sementara Timbalan Pendakwa Raya Aiman Zarith Zahrullail memohon tertuduh dikenakan hukuman setimpal sebagai pengajaran kepada yang lain.